

# Orang muda tak minat jadi nelayan

*Antara punca nelayan asing bermaharajalela di perairan laut dalam negara*

SHAH ALAM

**G**enerasi muda Malaysia yang tidak berminat bekerja sebagai nelayan menjadi antara punca warga asing bermaharajalela menangkap ikan di perairan negara ini. Penglibatan anak muda yang sedikit, ditambah pula nelayan lama yang semakin tua menyebabkan setiap tahun Malaysia mengalami trend penurunan jumlah nelayan.



AZRIN SHAH

Berdasarkan statistik, jumlah nelayan yang bekerja di atas kapal pada tahun 2017 hanya sekitar 130,645 orang berbanding 144,019 pada tahun 2013.

Menurut Pengurus Besar Persekutuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Azrin Shah Ismail, ramai pemilik bot nelayan tem-

patan terpaksa memajak atau menggaji pekerja warga asing kerana rakyat negara ini terutama golongan muda tidak mahu bekerja sebagai nelayan.

Katanya, situasi itu bertambah buruk apabila nelayan-nelayan yang semakin berusia mengalami masalah kudrat fizikal.

"Kebanyakan nelayan berusia 50 tahun ke atas. Ramai dalam kalangan mereka mengalami masalah kesihatan dan adakalanya mempunyai masalah peribadi yang membuatkan mereka tidak dapat turun ke laut untuk menangkap ikan.

"Jadi untuk kelangsungan pendapatan hidup dan lesen dimiliki tidak terbatal, mereka sewakan bot atau gaji pekerja asing yang sanggup turun ke laut," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan *Sinar Siasat* semalam mengenai hasil laut Malaysia yang dirompak oleh rakyat asing.

Sementara itu di **Gelang Patah, Johor**, Jabatan Perikanan Malaysia menyeru golongan belia untuk menceburkan diri dalam industri laut dalam yang kurang



Munir (tengah) ketika bercakap kepada media selepas Majlis Perasmian Pelancaran Kejayaan Penyelidikan Ternakan Udang Putih Super Intensif di FRI Gelang Patah semalam.



Keratan *Sinar Harian* semalam.

mendapat tempat dalam kalangan orang muda di negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, pe-

nyertaan golongan muda penting sebagai generasi pelapis terutamanya melibatkan tangkapan ikan di laut dalam.

"Ini penting supaya kita ada generasi pelapis yang menerokai laut dalam yang mengeksploitasi hasil secara menyeluruh. Sekarang ini golongan

belia lebih berminat dengan pesisir pantai.

"Orang muda keluarlah lebih 30 batu nautika dari pantai, lagi

**Jumlah nelayan bekerja di atas vesel penangkapan ikan berlesen di Malaysia**

Tahun	Jumlah (orang)
2013	144,019
2014	143,421
2015	140,949
2016	132,305
2017	30,645
<b>Total</b>	<b>691,339</b>

(Sumber: Laman web rasmi Jabatan Perikanan Malaysia)

jauh lagi bagus," katanya pada Majlis Pelancaran Kejayaan Penyelidikan Ternakan Udang Putih Super Intensif di Institut Penyelidikan Perikanan Gelang Patah semalam.

Tambah beliau, rata-rata kru bot-bot nelayan laut dalam di negara ini biasanya dimonopoli oleh warga asing.

"Kita ada kira-kira 800 orang pengusaha bot laut dalam. Setiap bot boleh mencecah sehingga 30 orang kru. Malangnya, bot ini pekerjaanya ramai orang asing tapi bukan semua. Ada orang tempatan tapi bilangannya tak ramai," katanya.

FOTO: HANUM RAJAK